

SAMBUTAN AKTIVITI KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK, POLITEKNIK UNGKU OMAR

Noorzalina Mat Hussein¹, Zawiyah Mokhtar² & Syafafwati Hanis Mohd Jamaai³

¹Politeknik Ungku Omar
noor_zalina@puo.edu.my
zawiyah@puo.edu.my
syafafwati@puo.edu.my

ABSTRAK

Dalam sistem pendidikan, ko-kurikulum dan kurikulum merupakan dua aspek yang menjadi tulang belakang dalam mengerakkan sistem pendidikan negara. Ko-kurikulum merupakan elemen yang menguatkan kurikulum dan pelengkap kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam melahirkan modal insan yang memenuhi keperluan dan kehendak semasa. Kajian ini memfokuskan kepada punca aktiviti ko-kurikulum kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar. Dalam erti kata lain, pelajar ini kurang berminat menyertai aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancang, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab mereka terhadap kegiatan ko-kurikulum. Responden terdiri daripada 100 orang pelajar semester 3, 5 dan 6 dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar. Data yang diperolehi, diproses menggunakan 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS). Setiap bentuk item dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk min, kekerapan dan peratusan. Kajian mendapati pelajar-pelajar kurang berminat untuk menyertai aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan oleh pihak jabatan berpunca daripada aktiviti yang kurang menarik, perlaksanaan aktiviti pada waktu P&P dan pihak jabatan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mana-mana pelajar yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum. Oleh yang demikian, pihak pengurusan kokurikulum Jabatan Kejuruteraan Elektrik, perlu memperbanyak aktiviti mengikut kemahiran dan minat pelajar berdasarkan kajian ini sekaligus dapat mempertingkatkan

Kata Kunci: Aktiviti, Ko-Kurikulum, Punca, Kurang Sambutan

1. Pendahuluan

Falsafah pendidikan negara adalah untuk melahirkan individu yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Matlamat falsafah pendidikan negara ini telah menjelaskan bahawa pembangunan modal insan di negara ini perlu keseimbangan dalam

semua aspek kehidupan merangkumi kemahiran dalam pembangunan fizikal, kerohanian dan pembangunan minda. Bagi mencapai hasrat ini, maka pembangunan kurikulum perlu dimangkin dengan pembangunan ko-kurikulum. Menurut Kamus Dewan (2000) ko-kurikulum ialah sebahagian daripada kurikulum asas yang melibatkan kegiatan atau aktiviti. Selain mata pelajaran yang diajar di dalam bilik darjah, kurikulum juga dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan seperti kegiatan dalam persatuan, badan beruniform dan sukan.

Ko-kurikulum dilihat sebagai satu aktiviti yang berbentuk pendidikan yang dilaksanakan diluar daripada bilik kuliah sebagai pelengkap kurikulum. Ko-kurikulum seharusnya mempunyai keseimbangan dari segi fizikal, mental dan kerohanian. Sekiranya sesuatu aktiviti yang dianjurkan itu, meninggalkan salah satu daripada tiga aspek tersebut, maka sesuatu aktiviti ko-kurikulum itu dirasanya tidak lengkap dan tidak memenuhi matlamat asal ko-kurikulum (Ahmad, Nazihan & Normah, 2011). Di dalam institusi pengajian tinggi, aktiviti ko-kurikulum dilaksanakan untuk memastikan mahasiswa yang bakal dilahirkan cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri serta bersedia untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. Berdasarkan kajian Ahmad Esa (2004), didapati bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum berupaya membina kemahiran komunikasi dalam kalangan murid yang akan membantu mereka dalam dunia kerjaya kelak. Kepimpinan dapat dijelaskan sebagai satu proses mempengaruhi ke atas kumpulan dalam situasi dan masa yang khusus yang dapat merangsang ahli-ahli untuk berusaha secara rela hati bagi mencapai matlamat bersama. Justeru itu, mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan segala keperluan asas yang merangkumi tiga keinsanan iaitu rohani, jasmani dan intelek.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar adalah merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran yang melibatkan pelajar sebagai sasaran utama dalam membentuk sahsiah dan nilai budi yang tinggi dalam diri pelajar. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti solat hajat, Majlis Penyampaian Anugerah Ketua Jabatan (AKJ), seminar, taklimat, kursus-kursus berkaitan pengajaran & pembelajaran, aktiviti jualan amal (Keusahawanan), perhimpunan warga Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), taklimat disiplin dan aktiviti - aktiviti Kelab Kejuruteraan Elektrik.

Berdasarkan kepada kajian terdahulu, antara elemen yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah kendiri pelajar (Wardatul & Nooraini, 2014), infrastruktur (Hassan & Junaidah, 2010) dan persepsi pelajar (Zulkiflee & Aimi, 2010). Kendiri pelajar adalah berkaitan dengan minat terhadap aktiviti kokurikulum dan kelebihan juga kekurangan yang dirasakan oleh pelajar dalam menyertai sesuatu aktiviti kokurikulum. Kemudahan infrastruktur pula merujuk kepada pengurusan kemudahan untuk aktiviti kokurikulum dan pengurusan aktiviti kokurikulum itu sendiri. Kajian oleh Ahmad dan Hisham (2009) menyatakan kemudahan infrastruktur memberikan sumbangan yang tinggi dalam membantu membentuk keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum. Persepsi pelajar pula adalah berkaitan pandangan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum, samada pelajar sedar atau tidak tentang kepentingan aktiviti kokurikulum sebagaimana pentingnya akademik. Mohamad Abdullah (2010) menyatakan bahawa ramai pelajar mengakui akan kepentingan aktiviti kokurikulum dalam pembangunan modal insan yang mempunyai kemahiran dan menghayati nilai-nilai murni seterusnya memupuk semangat menguasai kemahiran dan kompetensi, namun sebenarnya mereka kekurangan penjelasan dan penegasan yang sewajarnya dalam mengimbangi antara kepentingan akademik dengan aktiviti kokurikulum.

2. Kaedah

2.1 Prosedur dan Responden

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan membuat tinjauan untuk menyelidik

dan mengenal pasti punca pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik kurang berminat untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar semester tiga, lima dan enam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar. Sebelum kajian sepenuhnya dilaksanakan, kajian rintis telah dilakukan terlebih dahulu kepada 10 orang responden untuk mendapatkan kebolehpercayaan dan kebolehkesahan soal selidik. Hasil kajian rintis telah dilaksanakan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Seterusnya soal selidik diberikan kepada 117 responden dan hasil daripada soal selidik tersebut telah analisa menggunakan SPSS untuk mendapat data kajian.

2.2 Soal Selidik

Borang soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu, latar belakang responden, peringkat penglibatan, persepsi pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan dan punca kurangnya sambutan bagi aktiviti kokurikulum jabatan. Bagi bahagian latar belakang, terdapat 6 soalan yang diberikan iaitu jantina, umur, bangsa, program, semester dan himpunan purata nilai mata (HPNM). Manakala bagi bahagian peringkat penglibatan, terdapat 2 soalan sahaja iaitu bilangan aktiviti kokurikulum jabatan yang pernah disertai dan jawatan yang tertinggi yang pernah disandang di dalam Kelab Kejuruteraan Elektrik. 3 soalan telah diletakkan di dalam soal selidik kajian ini bagi bahagian persepsi pelajar terhadap aktiviti jabatan. Soalan pertama pada bahagian ini adalah berkenaan kepentingan aktiviti jabatan. Manakala soalan kedua adalah berkenaan tujuan pelajar melibatkan diri dengan aktiviti jabatan. Soalan ketiga pula adalah berkenaan jenis-jenis aktiviti kokurikulum yang disukai oleh pelajar. Bahagian yang terakhir adalah berkenaan punca kurangnya sambutan terhadap aktiviti kokurikulum jabatan. Bahagian ini dibahagikan kepada 17 soalan berbentuk skala likert. Skor skala likert yang digunakan bagi kajian ini adalah seperti Jadual 2.1.

Pilihan kenyataan	Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Tidak pasti	3
Tidak Setuju	2
Sangat tidak setuju	1

Jadual 2.1: Skor Skala Likert

3. Dapatan Kajian

3.1 Latar belakang responden

Seramai 117 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar sesi Dis 2015 telah mengambil bahagian dalam soal selidik yang telah dijalankan. Daripada jumlah ini seramai 75 orang pelajar lelaki dan 42 orang pelajar perempuan yang telah melibatkan diri dalam mengisi borang soal selidik ini. Responden adalah berumur antara 19 sehingga 26 tahun. Mereka terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti dua program yang ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. 42 orang daripada Diploma Kejuruteraan Telekomunikasi (DEP) dan 75 orang daripada Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK). Daripada 2 program ini, pelajar-pelajar yang dipilih sebagai responden adalah daripada semester 3, 5 & 6.

Berdasarkan data yang diperoleh melalui borang soal selidik, Jadual 3.1 menunjukkan pelajar lelaki adalah lebih ramai daripada pelajar perempuan. Ini terbukti daripada peratusan yang ditunjukkan seperti jadual di bawah.

Jantina		Kekerapan	Peratus
Valid	Lelaki	75	64.1
	Perempuan	42	35.9
	Total	117	100.0

Jadual 3.1: Kekerapan & peratusan pelajar mengikut Jantina

Bagi data kekerapan dan peratusan mengikut umur responden seperti Jadual 3.2 di bawah menunjukkan, umur 21 adalah paling tinggi iaitu 57 orang responden. Bagi umur 19 dan 21, masing-masing adalah sebanyak 31 responden dan 18 responden. Ini menunjukkan, responden kajian terdiri daripada pelajar semester 3, 5 dan 6.

Umur		Kekerapan	Peratus
Valid	19	31	26.5
	20	18	15.4
	21	57	48.7
	22	5	4.3
	23	4	3.4
	24	1	.9
	26	1	.9
	Total	117	100.0

Jadual 3.2: Kekerapan & Peratusan mengikut umur

Seterusnya, bangsa responden turut dianalisa untuk mendapat data kekerapan dan peratusan seperti Jadual 3.3 di bawah. Dari jumlah 117 responden, seramai 87 orang adalah berbangsa melayu manakala 17 orang adalah berbangsa India dan 10 orang adalah berbangsa Cina. Manakala terdapat 3 orang respondent yang berbangsa lain dari etnik utama di Malaysia.

	Bangsa	Kekerapan	Peratus
Valid	Melayu	87	74.4
	Cina	10	8.5
	India	17	14.5
	Lain-lain	3	2.6
	Total	117	100.0

Jadual 3.3: Kekerapan & Peratusan mengikut bangsa

Terdapat dua program yang difokuskan untuk kajian ini iaitu, program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) (DTK) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) (DEP). Bagi program DTK seramai 42 responden yang telah menjawab borang soal selidik kajian ini manakala bagi program DEP seramai 75 responden. Jadual 3.4 menunjukkan kekerapan dan peratusan mengikut program bagi kesemua responden.

	Program	Kekerapan	Peratus
Valid	DEP	42	35.9
	DTK	75	64.1
	Total	117	100.0

Jadual 3.4: Kekerapan & Peratusan mengikut program

Jadual 3.5 menunjukkan data kekerapan dan peratusan bagi responden mengikut semester. Jadual di bawah menunjukkan lebih ramai responden daripada semester 5 berbanding responden semester 3 dan 6. Ini adalah kerana jumlah bilangan kelas bagi semester 5 adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan semester 3 dan 6.

	Semester	Kekerapan	Peratus
Valid	Tiga	35	29.9
	Lima	47	40.2
	Enam	35	29.9
	Total	117	100.0

Jadual 3.5: Kekerapan & Peratusan mengikut Semester

Soalan yang terakhir dalam bahagian latar belakang responden adalah berkenaan keputusan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM). Jadual 3.6 di bawah menunjukkan kekerapan bagi julat HPNM 3.01 sehingga 3.50 adalah sebanyak 61 orang. Bagi julat 3.51 sehingga 4.00 adalah sebanyak 38 responden dan selebihnya adalah bagi julat antara 2.00 sehingga 3.00.

	HPNM	Kekerapan	Peratus
Valid	2.00 - 2.50	3	2.6
	2.51 - 3.00	15	12.8
	3.01 - 3.50	61	52.1
	3.51 - 4.00	38	32.5
	Total	117	100.0

Jadual 3.6: Kekerapan dan Peratusan mengikut keputusan HPNM

3.2. Peringkat penglibatan

Bahagian kedua di dalam borang soal selidik adalah memfokuskan kepada bilangan aktiviti yang pernah disertai oleh responden sepanjang pengajian di Politeknik Ungku Omar. Data yang diperolehi adalah menunjukkan kekerapan responden menyertai mana-mana aktiviti kokurikulum jabatan. Merujuk kepada Jadual 3.7 di bawah, bilangan aktiviti yang disertai oleh responden adalah di antara 2 sehingga 5 aktiviti sahaja iaitu sebanyak 68 kekerapan. 28 kekerapan pula adalah bagi bilangan aktiviti antara 6 sehingga 8. Bagi bilangan aktiviti yang melebihi 8, nilai kekerapan adalah sebanyak 20. Selain dari itu, terdapat 8 responden yang mengakui bilangan aktiviti kokurikulum yang pernah disertai selama pengajian di politeknik adalah antara 0 sehingga 1 aktiviti. Ini menunjukkan kebanyakkann responden tidak pernah menyertai lebih dari 10 aktiviti kokurikulum di jabatan.

	Aktiviti		
	Ko-Kurikulum	Kekerapan	Peratus
Valid	0 - 1	8	6.8
	2 - 5	61	52.1
	6 - 8	28	23.9
	> 8	20	17.1
	Total	117	100.0

Jadual 3.7: Kekerapan dan Peratus Bilangan Aktiviti kokurikulum yang disertai

Jadual 3.8 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus penglibatan pelajar dalam Kelab Kejuruteraan Elektrik. Majoriti responden merupakan ahli biasa di dalam kelab tersebut iaitu seramai 89 orang. 23 orang responden pula adalah ahli jawatankuasa manakala terdapat seorang responden sebagai setiausaha dan seorang sebagai bendahari.

Valid		Kekerapan	Peratus
	Setiausaha	1	.9
	Bendahari	1	.9
	Ahli jawatankuasa	23	19.7
	Ahli Biasa	89	76.1
	Lain-lain	3	2.6
	Total	117	100.0

Jadual 3.8: Kekerapan dan Peratus Penglibatan Pelajar Dalam Kelab Kejuruteraan Elektrik

3.3. Persepsi pelajar terhadap aktiviti Jabatan

Di dalam bahagian ini, pengkaji memfokuskan kepada persepsi atau pandangan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan. Soalan yang pertama, adalah untuk mengetahui samada aktiviti kokurikulum jabatan penting atau tidak dari persepsi pelajar seperti Jadual 3.9. Seramai 100 orang responden yang menjawab Ya, iaitu aktiviti kokurikulum jabatan adalah penting. Manakala seramai 17 orang responden yang menjawab tidak, iaitu aktiviti kokurikulum jabatan adalah tidak penting. Ini menunjukkan terdapat sebilangan responden yang menganggap aktiviti kokurikulum adalah tidak penting dan sekaligus kurang memberi komitmen kepada aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

Valid		Kekerapan	Peratus
	Ya	100	85.5
	Tidak	17	14.5
	Total	117	100.0

Jadual 3.9: Kekerapan dan Peratus Kepentingan Aktiviti Kokurikulum Jabatan

Pada bahagian ini juga, responden diberikan soalan berbentuk, tujuan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum jabatan. Melalui Jadual 3.10, dapat dilihat bahawa majoriti responden iaitu seramai 52 orang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum jabatan adalah

kerana kehadiran diwajibkan. Seramai 37 responden yang menyatakan bahawa tujuan mereka melibatkan diri adalah untuk mendapatkan sijil. Responden yang menyatakan minat atau mendapatkan pengalaman adalah seramai 18 orang sahaja. Selebihnya adalah kerana memenuhi masa lapang, sekadar mengikut rakan dan lain-lain tujuan dengan kekerapan 6, 3 dan 1. Data analisis ini menunjukkan bahawa pelajar atau responden yang berminat dengan aktiviti kokurikulum dan menyertai aktiviti kokurikulum kerana pengalaman adalah kurang jika dibandingkan dengan responden yang menjawab sebaliknya.

Valid	Minat/pengalaman	Kekerapan	Peratus
		18	15.4
	Memenuhi masa lapang	6	5.1
	kedatangan diwajibkan	52	44.4
	sekadar mengikut rakan	3	2.6
	Untuk mendapatkan sijil	37	31.6
	Lain-Lain	1	.9
Total		117	100.0

Jadual 3.10: Kekerapan dan Peratus Tujuan Pelajar Melibatkan Diri dalam Aktiviti Kokurikulum Jabatan

Valid		Kekerapan	Peratus
	Seminar/Bengkel	2	1.7
	Aktiviti keusahawanan (Berniaga)	8	6.8
	Aktiviti di luar politeknik (melawat rumah anak yatim/perkhemahan)	31	26.5
	Sukan/permainan	39	33.3
	Lawatan industri	36	30.8
	Lain-lain	1	.9
	Total	117	100.0

Jadual 3.11: Kekerapan dan Peratus Jenis Aktiviti Kokurikulum Jabatan Yang Digemari Oleh Pelajar

Jadual 3.11 menunjukkan kekerapan dan peratus jenis aktiviti kokurikulum yang disukai oleh pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar. Terdapat 3 aktiviti kokurikulum yang paling disukai oleh pelajar iaitu sebanyak 33.3% atau 39 responden menyukai sukan/permainan, 30.8% atau 36 responden menyukai lawatan industri dan 26.5% atau 31 responden menyukai aktiviti di luar politeknik. Majoriti pelajar menyukai aktiviti kokurikulum yang dibuat di luar politeknik seperti melawat anak yatim, perkhemahan, dan lawatan ke industri. Manakala aktiviti keusahawanan seperti berniaga dan juga seminar/ bengkel kurang disukai oleh pelajar iaitu sebanyak 6.8% atau 8 responden dan 1.7% atau 2 orang responden.

3.4. Punca kurang sambutan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan

3.4.1 Analisis Skor Min

Bagi menentukan tahap persetujuan dalam penganalisan data, Jadual 3.12 menunjukkan skala penentuan min berdasarkan kajian Ravichantiran (2007).

Julat Min	Tahap Kekuatan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 3.12: Tahap Persetujuan

3.4.2 Minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan

No	Item	Tahap Kekuatan
1	Saya sentiasa tidak hadir dalam perjumpaan aktiviti kokurikulum jabatan	3.20
2	Saya menyukai aktiviti jabatan yang diadakan	3.02
3	Saya hadir aktiviti jabatan kerana terpaksa	3.26
4	Saya berminat dan menyertai semua aktiviti jabatan	2.46
Purata Min		2.99

Jadual 3.13: Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Ko-kurikulum Jabatan

Berdasarkan Jadual 3.13, purata min secara keseluruhannya berada pada tahap kekuatan 2.99 iaitu tahap sederhana. Item yang mencatatkan tahap kekuatan paling tinggi adalah item 3 berbanding item 1. Ini menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum jabatan kurang menarik minat para responden. Pelajar kurang memberikan kerjasama terhadap aktiviti jabatan yang diadakan. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang kurang aktif serta jarang sekali menyertai mana-mana aktiviti kokurikulum jabatan.

3.4.3 Kesesuaian masa perlaksanaan aktiviti kokurikulum jabatan

No	Item	Tahap Kekuatan
1	Waktu aktiviti jabatan yang dijadualkan tidak sesuai di buat pada masa cuti dan hujung minggu	3.39
2	Aktiviti jabatan dijalankan pada waktu Pengajaran & Pembelajaran (P & P)	3.77
3	Aktiviti jabatan yang dijalankan sesuai dengan masa yang ditetapkan pada waktu aktiviti PUO	3.77
4	Aktiviti kokurikulum yang dijalankan mengambil masa yang terlalu lama sehingga melebihi 4 jam	3.25
Purata Min		3.55

Jadual 3.14: Kesesuaian masa perlaksanaan Aktiviti Kokurikulum Jabatan

Berdasarkan Jadual 3.14, tahap kekuatan bagi setiap item adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Kebanyakkan aktiviti kokurikulum jabatan dilaksanakan pada hujung minggu dan pada waktu pengajaran dan pembelajaran berjalan menyebabkan kebanyakkan responden tidak menghadiri aktiviti kokurikulum tersebut. Ini dibuktikan dengan tahap kekuatan bagi item 1 dan item 2 iaitu sebanyak 3.39 dan 3.77. Melalui tahap kekuatan item 3 iaitu sebanyak 3.77 pada tahap kekuatan tinggi, responden bersetuju sekiranya aktiviti kokurikulum jabatan dilaksanakan pada masa yang telah ditetapkan sebagai waktu kokurikulum politeknik iaitu pada setiap hari selasa bermula pada 2.00 petang sehingga 4.00 petang. Bagi item 4, responden berpendapat aktiviti kokurikulum jabatan dilaksanakan terlalu lama sehingga melebihi 4 jam dan ini dapat dilihat melalui tahap kekuatan iaitu tahap sederhana. Oleh itu, sekiranya pihak pengurusan aktiviti kokurikulum jabatan dapat melaksanakan aktiviti kokurikulum pada waktu yang sesuai dan masa yang tidak terlalu lama, pastinya masalah ketidakhadiran boleh diatasi.

3.4.4 Pengurusan Aktiviti Ko-Kurikulum

No	Item	Tahap Kekuatan
1	Saya mengetahui tentang aktiviti jabatan daripada papan notis	3.03
2	Penasihat akademik sentiasa memaklumkan saya tentang aktiviti jabatan	4.16
3	Pengisian Aktiviti Jabatan tidak menarik minat saya	3.25
4	Tiada tindakan yang dikenakan sekiranya saya tidak menghadiri aktiviti kokurikulum jabatan.	3.50
Purata Min		4.04

Jadual 3.15: Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Jabatan

Bahagian ketiga adalah pengurusan aktiviti jabatan dimana terdapat 4 item yang telah diberikan kepada responden. Berdasarkan Jadual 3.15, dapat dilihat tahap kekuatan bagi setiap item adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Responden dilihat bersetuju dengan item 1 dan item 2 yang iaitu makluman berkenaan aktiviti jabatan diperolehi daripada papan notis dan juga melalui penasihat akademik. Bagi item 3 yang mana responden bersetuju dengan kenyataan item tersebut iaitu pengisian aktiviti kokurikulum jabatan adalah kurang menarik. Tahap kekuatan item ini adalah 3.25 iaitu pada tahap sederhana. Seterusnya bagi item 4, tahap kekuatan adalah sebanyak 3.50 yang mana dapat dilihat majoriti responden bersetuju bahawa tiada tindakan yang dikenakan oleh pihak pengurusan sekiranya pelajar tidak hadir ke aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, melalui keputusan yang diperolehi, pihak pengurusan aktiviti kokurikulum jabatan perlu mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minat pelajar untuk hadir ke aktiviti tersebut. Antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti aktiviti perkhemahan, ‘team building’, sukan dan permainan dan juga lawatan ke industri. Selain dari itu, pihak pengurusan aktiviti kokurikulum jabatan juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar yang tidak menghadiri mana-mana aktiviti sekiranya aktiviti tersebut telah diwajibkan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah penolakan markah merit, membuat kerja-kerja amal di sekitar politeknik, menolak markah penilaian berterusan bagi kursus-kursus yang berkaitan.

3.4.5 Kesan terhadap akademik

No	Item	Tahap Kekuatan
1	Aktiviti kokurikulum memberi pengetahuan tambahan/pengalaman yang berkaitan dengan program	2.98
2	Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum jabatan menyebabkan saya ketinggalan dalam pelajaran	2.86
3	Penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum jabatan akan memberi kesan kepada pencapaian akademik	3.50
4	Penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum menyebabkan saya tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan	2.90
Purata Min		3.06

Jadual 3.16: Kesan aktiviti kokurikulum jabatan Terhadap akademik

Jadual 3.16 menunjukkan tahap kekuatan bagi bahagian kesan aktiviti kokurikulum jabatan terhadap akademik. Tahap kekuatan yang diperolehi daripada responden bagi bahagian ini adalah pada tahap sederhana yang mana nilainya adalah diantara 2.86 sehingga 3.50. Bagi item 1 iaitu berkenaan aktiviti kokurikulum jabatan memberi pengetahuan tambahan/pengalaman yang berkaitan dengan program, tahap kekuatan yang diperolehi adalah tahap sederhana dengan nilai 2.98. Ini menunjukkan bahawa terdapat responden yang bersetuju dengan item ini dan ada juga sebaliknya. Seterusnya, tahap kekuatan bagi item 2 berada pada tahap sederhana iaitu bernilai 2.86 dimana responden bersetuju bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum jabatan menyebabkan mereka ketinggalan di dalam pelajaran. Ini berlaku sekiranya aktiviti jabatan diadakan pada waktu hujung minggu dan waktu pengajaran dan pembelajaran. Bagi item 3, tahap kekuatan adalah pada 3.50 dimana item ini adalah berkaitan penglibatan aktif dapat memberi kesan kepada pencapaian akademik. Seterusnya, tahap kekuatan bagi item 4 adalah pada tahap sederhana iaitu 2.90.

4. Perbincangan

Melalui analisis yang telah dijalankan, data yang diperolehi menunjukkan responden kurang berminat dengan aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak jabatan. Ini adalah berdasarkan respon yang diberikan adalah tidak berminat menyertai aktiviti kokurikulum dan jugak kehadiran pelajar adalah disebabkan terpaksa. Hasil kajian ini telah dijangka kerana merujuk kepada peratus kehadiran pelajar bagi kebanyakan aktiviti kokurikulum yang telah dijalankan adalah rendah kecuali bagi aktiviti kokurikulum yang diwajibkan dan terdapat tindakan yang diambil sekiranya pelajar gagal hadir ke aktiviti tersebut.

Terdapat beberapa punca yang dapat dikenalpasti yang menjadi penyebab peratus kehadiran pelajar rendah. Antara punca tersebut adalah, aktiviti yang dijalankan tidak menarik minat pelajar. Berdasarkan hasil dapat dari kajian ini, menunjukkan kebanyakan responden menyatakan minat terhadap aktiviti yang berbentuk sukan atau permainan, lawatan industri dan aktiviti di luar politeknik sebagai contoh, perkhemahan dan team building. Kehadiran memang banyak dipengaruhi oleh jenis aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan (Ravichantiran, 2007). Sekiranya aktiviti yang dirancang tidak berupaya menarik

minat pelajar maka pelajar akan hilang minat atau motivasi untuk menghadiri aktiviti kokurikulum. Justeru itu, pihak pengurusan aktiviti jabatan, perlu menambahbaik jenis aktiviti yang akan dijalankan supaya pelajar teruja untuk menghadiri dan menyertai aktiviti tersebut dan sekaligus dapat meningkatkan minat pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang lain.

Selain dari itu, responden juga memberikan maklumbalas berkenaan aktiviti kokurikulum jabatan yang dijalankan pada waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), pada waktu hujung minggu dan cuti semester. Hasil kajian menunjukkan responden tidak bersetuju sekiranya aktiviti dijalankan pada waktu-waktu yang dinyatakan dan menyebabkan kebanyakkan pelajar tidak hadir. Responden juga bersetuju sekiranya aktiviti yang dijalankan hanya mengambil waktu aktiviti yang telah disediakan oleh pihak politeknik yang diselaraskan untuk semua pelajar iaitu pada hari selasa dari pukul 2 petang sehingga 4 petang. Walaubagaimanpun, melalui perbincangan dengan pihak pengurusan aktiviti kokurikulum jabatan mendapati kebanyakkan aktiviti tidak sesuai dijalankan pada waktu tersebut kerana masa yang diperuntukkan adalah terhad. Aktiviti –aktiviti seperti sukan, aktiviti luar politeknik, aktiviti kerohanian, perlu dilaksanakan di luar waktu tersebut dan terpaksa menggunakan waktu P&P dan waktu cuti pelajar. Bagi aktiviti kokurikulum seperti seminar dan ceramah, pihak pengurusan bersetuju untuk memastikan aktiviti tersebut dijalankan pada waktu aktiviti pelajar yang telah diperuntukkan oleh pihak politeknik.

Pelaksanaan kokurikulum di IPT tidak begitu menggalakkan atau tidak mendapat sepenuh sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pengurusan mengakibatkan pelajar kurang berminat untuk mengambil bahagian (Rosnida & Farrah, 2016). Justeru itu, punca ketidakhadiran pelajar adalah daripada pengurusan sesuatu aktiviti kokurikulum tersebut. Walaubagaimanapun, responden berpuashati dan bersetuju bahawa pengurusan aktiviti kokurikulum oleh pihak jabatan tidak menjadi punca ketidakhadiran pelajar. Ini kerana hasil dapatan menunjukkan responden bersetuju penyampaian maklumat berkaitan aktiviti kokurikulum dapat disampaikan kepada pelajar dengan cepat dan melalui banyak medium. Kredit harus diberikan kepada pihak pengurusan aktiviti kokurikulum jabatan yang menjalankan tugas dengan cekap. Sokongan dari pihak pengurusan sangat penting dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum kerana pandangan awal pelajar terhadap sesuatu aktiviti adalah melalui pengurusan yang baik.

Punca seterusnya adalah berkaitan kesan aktiviti kokurikulum terhadap akademik. Melalui hasil dapatan dapat dirumuskan bahawa responden bersetuju penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum jabatan menyebabkan tumpuan kepada akademik. Ini kerana masa mereka banyak dihabiskan dengan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum jabatan. Oleh yang demikian, melalui item-item yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa, pelajar perlu diberikan lebih pengetahuan berkenaan kepentingan aktiviti kokurikulum samada diperingkat jabatan atau diperingkat yang lebih tinggi. Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial. Pelajar akan terdedah kepada pendekatan secara amali yang membolehkan mereka menimba pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara terus (Nor Suhara, 2010). Selain dari itu, pelajar juga perlu mengimbangi pembahagian masa diantara aktiviti kokurikulum dan juga akademik kerana kedua-dua bidang sangat penting dalam meningkatkan jati diri malah mampu membentuk modal insan yang dinamik.

5. Kesimpulan

Secara amnya, jika dilihat purata min bagi setiap bahagian punca seperti dalam Jadual 5.1, dapat digambarkan bahawa persepsi pelajar terhadap punca aktiviti kokurikulum jabatan kurang mendapat sambutan berada dalam tahap kekuatan sederhana kecuali punca C bahagian pengurusan berada pada tahap kekuatan tinggi. Minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan berada pada purata min yang paling rendah iaitu 2.99.

Punca	Item	Purata Min
A	Minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum jabatan	2.99
B	Kesesuaian masa perlaksanaan aktiviti kokurikulum jabatan	3.55
C	Pengurusan Aktiviti kokurikulum jabatan	4.04
D	Kesan terhadap akademik	3.06

Jadual 5.1: Purata min yang mewakili setiap punca kurang sambutan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa para pelajar kurang berminat menyertai aktiviti kokurikulum yang diadakan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Ini adalah disebabkan jenis aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak jabatan tidak menarik minat pelajar. Melalui kajian ini juga, pelajar didapati lebih meminati aktiviti yang berbentuk sukan, aktiviti diluar politeknik seperti perkhemahan, lawatan industri, dan team building. Oleh yang demikian, pihak pengurusan aktiviti kokurikulum di Jabatan Kejuruteraan Elektrik perlu menjalankan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian dengan minat pelajar di samping menjalankan aktiviti kokurikulum sampingan seperti seminar, ceramah dan bengkel. Dengan itu diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada pihak pengurusan JKE, pensyarah yang terlibat dan juga pelajar tentang kepentingan kokurikulum serta dapat membantu dalam mempertingkatkan penglibatan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar. Ini kerana menurut Luqman (2005) melalui Norsuzilawate dan Nurrul Hasanah (2017), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Seterusnya dengan kualiti yang ada, diharapkan pelajar Politeknik Ungku Omar, dapat mencapai kebolehpasaran graduan selepas 6 bulan tamat belajar.

Rujukan

- Rahim Utah. (2013). "IBM SPSS STATISTICS for window". Ebook SPSS Versi 21, Pejabat Teknologi Maklumat UiTM. Dicapai pada <http://rahimutah.uitm.edu.my/v25/images/ebook-SPSSversi21-2013.pdf>
- Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad Esa (2004). "Peranan Kokurikulum Dalam Menjana Peradaban Melayu"
- Ahmad Esa & Hisham Jamaludin (2009). Peranan Kokurikulum di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa. Universiti Tun Hussein Onn.
- Ahmad, Nazihan & Normah (2011). "Penglibatan Pelajar Kolej Komuniti Segamat dalam Aktiviti Ko-kurikulum Satu Tinjauan awal."
- Hassan Hushin & Junaidah Md Salleh (2010). Penglibatan Pelajar Tahun Satu Dalam Aktiviti Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Abdullah (2010). Penglibatan Pelajar Sekolah Menengah Kawasan Parlimen Muar Dalam Aktiviti Kokurikulum. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Suhara Fadzil (2010). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah", Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Norsuzilawate Zulkapli & Nurrul Hasanah Md Teni (2017). "Persepsi Pelajar Terhadap Program Pasukan Institusi Pertahanan Awam (Pispa) Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Di Kolej Komuniti Zon Pahang", e- Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017.
- Ravichanthiran (2007). Meningkatkan Kehadiran Kokurikulum Pelajar Melalui Program Magnet. Program Kajian Tindakan Negeri Perak Peringkat Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting.
- Rosnida Othman & Nur Farrah Azwa Jasni (2016). "Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah". Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 1, 2016 eISSN 0128-2875
- Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman (2014). Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum dan Keberkesanannya Kepada Remaja. Proceeding of the Social Science Research, June 2014.
- Zulkiflee Haron & AimiAyuni Idris (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.